

26/09/1998

Wanita tidak terbabit gerakan reformasi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tiada ahli Wanita Umno terbabit dalam gerakan reformasi yang dianjurkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Menurutnya, Wanita Umno tetap mempertahankan segala keputusan yang dibuat Majlis Tertinggi (MT) parti.

"Daripada apa yang kita ketahui, tidak ada ahli Wanita Umno yang terbabit dalam rusuhan atau gerakan reformasi yang dianjurkan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis sambutan Hari Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno, di sini hari ini.

Majlis sambutan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak; Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik; Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusoff Noor; Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita Umno, Tan Sri Dr Aishah Ghani dan Timbalan Ketua Pergerakannya Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Siti Zaharah berkata ahli Wanita Umno perlu mengimbas kembali dengan penuh tanggungjawab demi cinta, kasih dan sayang kepada bangsa, agama, negara serta Umno.

"Saya merayu ahli Wanita Umno yang tradisinya selalu berperanan sebagai pengimbang dan penawar dalam parti," katanya.

(END)